

KONSEP AL - LAHN DALAM ILMU TAJWID: KAJIAN TERHADAP MAKHRAJ DAN SIFAT HURUF

Bushra Afifah Binti Azhar¹
Nur Aima Sofia Binti Zainuddin²
Nurul Husaini Binti Mohd Razali³

¹Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran. (E-mail: bushrafifah10@gmail.com)

²Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran. (E-mail: nuraima5156@gmail.com)

³Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran. (E-mail: nurulhusainirazali@gmail.com)

Abstrak: Ilmu tajwid merupakan ilmu yang sangat penting untuk dipelajari, meskipun hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardu kifayah, akan tetapi beramal dengannya (membaca Al-qur'an dengan ilmu tajwid) hukumnya adalah fardu 'ain. masih ramai orang islam yang belum atau kurang tahu tentang membaca Al-Quran secara tajwid, akibatnya walaupun mampu membaca Al-qur'an tetapi masih banyak melakukan kesalahan yang dapat mempengaruhi erti dan kandungan yang terdapat di dalamnya, makhraj dan sifat huruf. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi memfokuskan kepada makhraj dan sifat huruf supaya bacaan Al-Quran lebih lancar dan dapat memberi pahala kepada pembaca.

Kata Kunci: Al-Lahn, Sifat Huruf, Tajwid dan Makhraj

Abstract: The science of tajwid is a very important science to learn, although the ruling of studying tajwid is fardu kifayah, but practicing with it (reading the Al- Quran with tajwid) its ruling is fardu 'ain. There are still many Muslims who do not or do not know about reading and how to read tajwid recitation, as a result of being able to read the Qur'an but still making many mistakes that can affect the meaning and content contained in it, for example in the chapter of makhraj and the nature of the letters. Therefore, this study was done to focus the reader on paying more attention to the makhraj and the nature of the letters so that the recitation of the Al-Quran is smoother, and can reward the reader.

Keywords: Al-Lahn, Sifat Huruf, Tajwid dan Makhraj

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah S.W.T kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W sebagai bukti kebenaran risalah yang dibawa baginda. Ia diturunkan melalui perantaraan Jibril A.S kepada Baginda S.A.W dengan kaedah talaqqi dan mushafahah. Disiplin ini telah dipraktikkan oleh Nabi S.A.W kepada para sahabatnya ketika mengajar bacaan *Al-Quran*. Begitulah seterusnya sehingga ke generasi berikutnya. Talaqqi dan mushafahah ini adalah merupakan kaedah yang paling baik dalam meningkatkan penguasaan bacaan *Al-Quran* kepada seseorang pembaca *Al-Quran*. Walaupun kaedah terkini seperti menggunakan alat bantuan seperti kaset, MP3, telefon, komputer dan buku-buku rujukan teori tentang ilmu *Tajwid*, namun ia tetap tidak dapat menyaingi kaedah talaqqi dan mushafahah ini.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan bagi setiap orang untuk mempelajari dan memahami kesemua kaedah ilmu *tajwid* sebagaimana amalan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W ketika mengajar para sahabat menyebut dan membaca ayat-ayat suci *Al-Quran* sepertimana baginda menerima bacaan tersebut daripada Jibril A.S. Justeru itu, *Al-Quran* telah terbukti sebagai sumber panduan yang sasih. Hal ini dapat dibuktikan dengan firman Allah dalam Surat Al A'raf ayat 52:¹

وَلَقَدْ جِئْنَاهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Sungguh, Kami telah mendatangkan Kitab (*Al-Qur'an*) kepada mereka, yang kami jelaskan atas dasar pengetahuan, sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Membaca *Al-Quran* dengan betul dan tepat sebagaimana Jibril A.S. berpesan kepada Nabi Muhammad SAW, merupakan aspek penting dalam pengabdian Islam. Pembacaan yang tidak sesuai dengan ajaran, bukan sahaja menjadi satu kesalahan yang ketara, malah ia juga mengakibatkan makna dan mesej yang hendak disampaikan oleh *Al-Quran* tidak tercapai, walaupun hakikatnya *Al-Quran* adalah sumber utama pengajaran. Natijahnya, penguasaan *makhraj* huruf dan *sifat huruf* adalah sangat penting dalam memahami ilmu *tajwid* bagi mengelakkan pembaca *Al-Quran* melakukan kesilapan terutama kesalahan yang melibatkan sebutan huruf-huruf *Al-Quran*.

Terdapat ramai pelajar yang tidak dapat membaca *Al-Quran* mengikut peraturan yang ditetapkan yang mana merangkumi kesesuaian membaca *Al-Quran* dengan bertajwid, serta *makhraj* huruf, sifatnya, dan sebagainya². Berdasarkan penilaian mata kasar, pemahaman tentang *makhraj* dan sifat huruf ini dalam kalangan masyarakat masih lagi kurang, sama ada golongan tua, muda atau dalam kalangan pelajar universiti juga. Ini disokong dengan kajian oleh Ahmad Rozaini Ali Hasan (2010), yang menunjukkan tahap penguasaan bacaan *Al-Quran* di kalangan pelajar UITM. Hasil kajian mendapati 72.67% dari keseluruhan responden adalah sederhana dan 36.91% responden adalah lemah. Masalah utama yang didapati, 43% tidak mengetahui hukum *Tajwid*, selebihnya sukar menyebut huruf dengan tepat³. Kesilapan tajwid dalam bacaan Al-Quran oleh masyarakat terutama pelajar yang mana mereka pernah belajar ilmu tajwid ini telah ditemui menggunakan data yang telah dinilai. Kesalahan bacaan yang sering dilakukan oleh pelajar ialah *makhraj* dan kesalahan sifatnya.

¹Syeikh Abdullah Basmeih, 2007, *Mushaf Tajwid beserta terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*

² Dra. Murneyetti, M. Ag. 2012. *Kemampuan Mahasiswa Membaca Al-Qur'an Di Universitas Negeri Padang*, Upt Mku Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang.

³ Hasan, Ahmad Rozaini Ali, et al. 2009. *Kemahiran Membaca Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM Sarawak*. Ahmad Rozaini Ali Hasan, Sharifah Anom Omar and Wan Ariffin Wan Yon. Ir.uitm.edu.my, ir.uitm.edu.my/id/eprint/5249/. Accessed 7 Dis. 2022.

Pelajar kerap melakukan kesalahan dalam sebutan *makhraj* dan sifat pada huruf yang tidak mempunyai padanan sebutan dalam bahasa Melayu seperti huruf *ta'*, *dzal*, *dza*, *gha'*, *dal*, dan *dha'*⁴.

Dalam mempelajari ilmu *tajwid* dan tilawah *Al-Quran*, ramai dalam kalangan kita yang terlepas pandang akan keharusan menjaga *makhraj* huruf dan sifat huruf. Apabila tidak mempelajari *Al-Quran* secara menyeluruh, bacaan *Al-Quran* menjadi salah, dan berkemungkinan *makhrajnya* juga akan berubah. *Makhraj* dan sifat yang terdapat dalam bacaan Surah *Al-Fatihah* juga perlu dititikberatkan ketika solat. Ini kerana surah *Al-Fatihah* adalah rukun solat. Bacaan *Al-Fatihah* akan terbatal sekiranya *makhrajnya* berubah. Kesalahan dalam bacaan surah *Al-Fatihah* akan mengakibatkan terbatalnya solat⁵. Oleh yang demikian itu, mempelajari *makhraj* huruf dan sifat huruf merupakan aspek asas dalam pembelajaran *tajwid*. Maka, bermula dari sini, lebih mudah untuk memahami dan mendedahkan hukum *tajwid* iaitu dengan mencuba memperelokkan bacaan sesuai dengan maksud *tajwid* supaya kesalahan yang nyata dan tersembunyi dapat dielakkan. Bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dan kesalahan dalam membaca *Al-Quran* dan juga mengelakkan daripada pembaca membaca dengan sia-sia kerana tidak mendapat pahala, matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji al-lahn dalam ilmu *tajwid* khususnya berkaitan *makhraj* dan sifat huruf.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian oleh Surul Shahbudin bin Hassan dan Muhammad Azhar Bin Zailaini (2015) di dalam artikel yang bertajuk *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah IPTA* ialah untuk mengenal pasti pelbagai jenis kesalahan *tajwid* yang dilakukan oleh pembaca semasa membaca *Al-Quran*, yang manakah kesalahan yang paling kerap berlaku, dan yang mana yang jarang berlaku. Kajian ini bersifat kuantitatif dengan menggunakan metod tinjauan menerusi pemerhatian ujian lisan berasaskan suatu instrumen senarai semak berpandukan teori-teori ilmu *Tajwid* Ahmad Khalid Shukri et al. (2008). Teori-teori *tajwid* Ahmad Khalid Shukri et al. (2008) ada terkandung dalam buku Al-Munir yang ditulis bersama 8 pakar ilmu *Tajwid* negara Jordan yang lain. Analisis ralat telah dijalankan ke atas rakaman bacaan responden menggunakan set instrumen yang komprehensif untuk mengenal pasti jenis dan kategori kesalahan yang dilakukan. Menerusi bentuk-bentuk kesalahan yang telah dihuraikan, kajian ini telah dapat mengenal pasti ciri-ciri bacaan betul yang perlu ditunaikan dalam pembacaan *Al-Quran*.⁶

Kajian oleh Muhammad Syafee Salihin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim dan Mahmud Lutfi Abdul Hadi (2016) di dalam artikel yang bertajuk *Kesalahan Jali Dalam Kalangan Peserta Majlis Tilawah Alquran Peringkat Kebangsaan Ke-59 Tahun 2016* untuk mengkaji tahap penguasaan bacaan peserta MTQ berkaitan dengan bidang *tajwid* dan fasahah. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah observasi pada bacaan peserta. Hasil kajian keseluruhan dalam bidang *tajwid*, para peserta dapat memenuhi bacaan al-Quran bertajwid dengan baik iaitu memperolehi markah melebihi 34 markah daripada 40 markah yang diperuntukan untuk bidang ini. Hasil kajian dalam bidang fasahah pula, terdapat peserta yang melakukan kesalahan tertukar baris dan huruf serta kesalahan dalam menghentikan dan memulakan bacaan.⁷

⁴ Muhammad Azhar Zailaini. 2015. *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah Ipta*, O-JIE: Online Journal of Islamic Education. University of Malaya: Kuala Lumpur. Vol. 3. No. 2. 12 Aug. 2017, pp. 1–9, ejournal.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5255/3051.

⁵ Ust Hanif Azmir Hassim. 2022. *Makhraj Huruf Dan Al Fatihah*. Retrieved Dis 17, 2022, from <https://mengajionline.com/makhraj-huruf-dan-al-fatihah/>

⁶ Op.cit. Muhammad Azhar Zailaini. 2015. *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah Ipta*, University of Malaya: Kuala Lumpur.

⁷ Muhammad Syafee Salihin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Mahmud Lutfi Abdul Hadi. 2016. *Kesalahan Jali Dalam Kalangan Peserta Majlis Tilawah Alquran Peringkat Kebangsaan Ke-59 Tahun 2016*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Selangor. p. 465-479.

Kajian oleh Dr. Norazman bin Alias, Dr. Zainora binti Daud dan Dr. Anuar bin Hasin di dalam artikel yang bertajuk *Tilawah Surah Al-Fatihah: Antara Isu Kesalahan Bacaan Dalam Ilmu Tajwid Dan Kesahan Solat Menurut Ilmu Fekah* mengupas isu kesalahan bacaan dari dua perspektif ilmu agama iaitu ilmu *tajwid* yang berkaitan dengan hukum bacaan serta ilmu fekah yang berkaitan dengan hukum kesahan solat. Kertas kerja ini yang bersifat kualitatif dengan menggunakan metode perpustakaan akan menyentuh isu yang sering timbul di kalangan masyarakat mutakhir ini berkaitan tentang kesalahan bacaan surah al-Fatihah dan perkaitannya dengan penerimaan sah solat. Dapatan awal kajian ialah terdapat beberapa bentuk kesalahan bacaan dari sudut ilmu tajwid yang boleh membawa kepada ketidaksahan solat dari sudut ilmu fekah ⁸

Berdasarkan sorotan kajian di atas, kajian pertama lebih memfokuskan kepada kesalahan *tajwid* secara umum, manakala kajian kedua hanya mengkaji kesalahan jali sahaja dan kajian terakhir juga memfokuskan kepada kesalahan *tajwid* tetapi dikhususkan dalam bacaan surah *Al-Fatihah* dan dikaitkan dengan kesahan solat menurut ilmu fekah. Kajian ini pula mengkaji tentang *al-lahn* dalam ilmu tajwid yang dikhususkan kepada *makhraj* dan sifat huruf.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode perpustakaan berpandukan rujukan-rujukan ilmiah yang berkaitan dengan tajuk perbahasan mengenai kesalahan bacaan dalam *tajwid* berfokuskan kepada sifat dan *makhraj* huruf. Antara buku yang diambil sebagai rujukan dalam kajian ini adalah “Kesalahan Yang Sering Terjadi Dalam Membaca Al-Quran” karya Muhammad Amri dan “*Tajwid Al-Quran* Rasm Uthmani karya Haji Abdul Qadir Leong”.

5.0 PENGENALAN ILMU TAJWID

Pengertian *tajwid* menurut bahasa ialah memperelokkan sesuatu manakala menurut istilah ilmu *tajwid* ialah melafazkan setiap huruf dari *makhrajnya* yang betul serta memenuhi *hak-hak* setiap huruf yakni sifat aslinya, dan *mustahaknya* yakni sifat mendatangnya. Hukum mempelajari ilmu *tajwid* adalah fardhu kifayah dan mengamalkannya adalah fardhu ‘ain bagi setiap muslimin dan muslimat yang mukallaf.⁹ Tujuan mempelajari ilmu *tajwid* adalah supaya dapat membaca ayat suci *Al-Qur’an* secara fasih (betul/benar), lancar, serta dapat memelihara lidah dari kesalahan-kesalahan ketika membaca *Al-Qur’an*.¹⁰ Dengan ini, kita dapat membacanya sejajar dengan penurunannya yang sebenar dari Allah S.W.T.

6.0 PENGENALAN MAKHRAJ HURUF

Makhraj bermaksud tempat keluar suara huruf-huruf *Al-Quran*. Para ulama bersepakat menetapkan jumlah huruf-huruf Hijaiyyah atau abjad huruf *Al-Quran* sebanyak 29.

Huruf-hurufnya ialah:

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه ي

Sebahagian ulama yang lain pula menetapkan abjad huruf-huruf *Al-Quran* ada 28 sahaja. Ini kerana mereka tidak mengira huruf alif sabagai salah satu huruf konsonan, tetapi alif dikira sebagai huruf mad atau vokal. Suatu yang perlu difahami oleh pembaca ialah huruf hanya wujud pada tulisan bukan pada lafaz (sebutan). Apabila huruf ب dilafazkan umpamanya, yang keluar adalah sebutan

⁸ Dr. Norazman bin Alias, et al. 2021. *Tilawah Surah Al-Fatihah: Antara Isu Kesalahan Bacaan Dalam Ilmu Tajwid Dan Kesahan Solat Menurut Ilmu Fekah*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Universiti Sains Islam: Negeri Sembilan. Vol.26 No 2. 2021. p.254-266.

⁹ Haji Abdul Qadir Leong. 2016. *Tajwid Al-Qur’an Rasm ‘Uthmani*. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: I-Press Sdn Bhd. p.6

¹⁰ Ahmad Fitri Bin Mat Rusop. 2018. Nota Ringkasan Asas Tajwid Al-Qur’an Rasm ‘Uthmani Riwayat Hafs Imam ‘Asim. Kuala Lumpur: Fatehah Learning Centre. p.3.

huruf itu, bukan tulisannya. Maka kerana itu apabila dikatakan *Makhraj* Huruf ب sebenarnya ia menjelaskan tempat keluar suara huruf itu, bukan menyentuh persoalan tulisan.

6.1 *Makhraj Muhaqqaq dan Muqaddar*

Huruf-huruf yang dilafazkan itu ada yang keluar dari *Makhraj Muhaqqaq* atau pun konsonan iaitu *makhraj* yang dapat dikenal pasti tempat keluarnya seperti suara huruf yang keluar dari lidah, bibir dan sebagainya. Ke semua 28 huruf abjad yang disebutkan tadi adalah suara-suara huruf yang mempunyai tempat keluar yang dapat ditentukan.

Makhraj Muqaddar atau vokal ialah *makhraj* yang tidak dapat ditentukan dengan tepat tempat keluarnya. Antara contoh *Makhraj Muqaddar* ialah suara tiga huruf mad iaitu alif sebelumnya fathah, ya sebelumnya kasrah atau wau sebelumnya dhommah. Apa yang dapat disimpulkan di sini ialah suara huruf-huruf *Al-Quran* itu terdiri dari 28 suara huruf hijaiyyah, suara dengung dan tiga suara mad. Ini menjadikan 30 sebutan huruf kesemuanya

6.2 *Makhraj Am dan Makhraj Khas*

Bedasarkan kepada apa yang telah disepakati oleh para Qurra' dan Lughawiyin sebutan suara huruf-huruf *Al-Quran* itu terbahagi kepada Lima anggota *Makhraj* Am dan Tujuh Belas Makhraj Khas. Lima anggota am itu ialah: Dua bibir, lidah, kerongkong, Rongga, dan Pangkal hidung.

- **Al-Halq – الحلق**

Ia bermaksud kerongkong tekak atau halkum. Terdapat 6 huruf kesemuanya yang keluar dari kerongkong tekak, iaitu:

أ ه ع ح غ خ

Huruf Halqi tersebut pula terbahagi kepada 3 bahagian khusus:

a) Pangkal kerongkong: (ه ء)

b) Tengah kerongkong: (ع ح)

c) Hujung Kerongkong: (غ خ)

- **Al-Lisan – اللسان**

Ia bermaksud lidah. Terdapat 18 huruf Lisan atau Lidah, iaitu:

ر ن ل ض ج ش ي ك ق ت د ط ث ذ ظ ص ز س

Makhraj lidah ini pula terbahagi kepada 10 bahagian khusus:

a) Pangkal lidah, berhampiran dengan kerongkong menyentuh bahagian anak tekak: (ق)

b) Pangkal lidah menyentuh lelangit belakang: (ك)

c) Tengah lidah ditekan ke lelangit atas: (ي ج ش)

d) Tepi atau sisi lidah (kiri atau kanan) dirapatkan pada gigi geraham atas (bahagian dalam): (ض)

e) Hujung lidah ditekan ke gusi di atas gigi depan (bahagian dalam): (ل)

f) Hujung lidah ditekan ke lelangit depan, sedikit ke belakang dari makhraj huruf Lam:

- (ن)
- g) Hujung lidah diangkat ke langit atas, serta dilengkungkan sehingga terlihat lidah bahagian belakang: (ر)
- h) Hujung lidah diletakkan ke belakang gigi depan bahagian bawah: (س ز ص)
- i) Hujung lidah ditekan ke pangkal gigi depan bahagian atas: (د ط ت)
- j) Hujung lidah dikeluarkan sedikit dan ditekan di hujung gigi depan bahagian atas: (ذ ث ظ)

• **As-Syafatain** – الشفتين

Ia bermaksud bibir mulut. Terdapat 4 huruf Syafatain, iaitu:

ف و م ب

Makhraj ini hanya terbahagi kepada 2 bahagian khusus sahaja:

- a) Bibir Bawah ditekan ke Gigi Kapak bahagian atas: (ف)
- b) Bibir Bawah dan Atas posisi rapat: (م و)

• **Al-Jauf** – الجوف

Ia bermaksud rongga mulut. Bagi makhraj huruf ini, ia merupakan makhraj khusus bagi huruf-huruf Mad yang dikeluarkan melalui Rongga Mulut.

Terdapat 3 huruf mad yang keluar dari rongga mulut, iaitu:

ا و ي

• **Al-Khaisyum** – الخيشوم

Ia bermaksud Rongga Hidung. Makhraj Khaisyum hanya khusus untuk ghunnah (dengung) sahaja. Dengung mestilah dikeluarkan melalui rongga hidung. Dengung hanya berlaku pada huruf Mim (م) dan Nun (ن) yang berbaris mati dan syaddah (sabdu) sahaja. Contoh:

1. Idgham maal ghunnah, ikhfa haqiqi, iqlab: ن َّ، َّ، َّ
2. Ghunnah Musyaddadah: نّ ّ
3. Idgham Mitslain dan ikhfa syafawi: مّ ب مّ م
4. Idgham Mutajanisain: مّ ب
5. Mad Lazim Harfi Mukhaffaf: نّ - عّ سّ قّ

7.0 PENGENALAN KEPADA SIFAT HURUF

Sifat huruf adalah salah satu dari perbincangan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran. Perkataan sifat dari segi istilah ilmu tajwid bererti ciri yang menjelaskan perihal sesuatu huruf. Melalui ciri-ciri

huruf seseorang itu akan dapat membezakan sesuatu huruf itu dengan keadaan-keadaan sebutannya seperti ciri huruf yang tertahan, berdesing, melantun dan seumpamanya.¹¹

7.1 Pembahagian Sifat Huruf

Sifat huruf terbagi menjadi dua:

1. Sifat Lazimah (لازمه) ialah ciri kekal yang pasti ada bagi setiap sebutan huruf dalam semua keadaan, tidak terpisah dari suatu huruf itu sama ada pada keadaan berbaris mahupun mati. Sifat ini juga dikenali sebagai “sifat yang berlawanan”.

Terdapat 10 sifat yang tergolong dalam kategori ini:

1. Hams lawannya jahr
2. Syiddah lawannya rakhawah (pertengahan bagi kedua-dua sifat ini dinamakan tawasut)
3. Isti’la’ lawannya istifal
4. Itbaq lawannya infitah
5. Izlaq lawannya ismat

- **Hams** – (همس): ف ح ث ه ش خ ص س ك ت
- **Jahar** – (جهر): Huruf-hurufnya disusun dalam rangkai kata (عَظْمَ وَزُنْ قَارِيٍّ ذِي غَضِّ جِدِّ طَلَبَ)
- **Syiddah** – (شدة): . ء ج د ق ط ب ك ت
- **Tawassut** – (توسط): ل ن ع م ر
- **Rakhawah** – (الرخاوة): ث ح خ ذ ز س ش ص ض ظ غ ف و ه ي
- **Isti’la’** – (الإستعلاء): ص ض ط ظ ق غ خ
- **Istifal** – (استفال) : Bilangan huruf-huruf Istifal ialah sebanyak 22 huruf iaitu selain daripada huruf-huruf isti’la’ dalam rangkai kata: (نُبَّتْ عِزُّ مَنْ يُجَوِّدُ حَرْفَهُ إِنْ سَلَّ شَكَا)
- **Itbaq** – (اطباق): ص ض ط ظ
- **Infitah** – (انفتاح): Bilangan huruf-hurufnya ialah 25 huruf atau selain daripada 4 huruf-huruf Itbaq. Dalam rangkai kata: (مَنْ أَحَدًا وَجَدَ سَعَةً فَزَكَ حَقُّ لَهُ شُرْبُ عَيْثٍ)
- **Izlaq** – (اذلاق): ف ر م ن ل ب
- **.Ismat** – (اصمات): Bilangan huruf-hurufnya ialah 23 huruf dan dinamakan huruf-huruf Musmatah. Dalam rangkai kata: (جَزُّ غِشٍّ سَاخِطٍ صَدِّ ثِقَةٍ إِذْ وَعَظُهُ يُخَضِّكُ)

¹¹ Mudarris. (2015). Tajwid : Sifat Huruf. Retrieved 9 September 2021, from <https://pengajianalhira.com/sifat-huruf>. Belajar Mengaji Al-Hira’.

2. Sifat ‘Aridhah; (عارضه) ialah ciri mendatang yang berubah-ubah bagi suatu huruf yang adakalanya terpisah dari huruf dan menyertainya pula pada keadaan yang lain seperti: tarqiq (nipis), tafkhim (tebal), ghunnah, idgham, atau ikhfa’, panjang atau pendek dan sebagainya. Sifat ini juga dikenali sebagai “sifat yang tidak berlawanan, sifat tunggal”. Terdapat 7 sifat yang tergolong dalam kategori ini:

- **Safir** – (صغير) – Siulan. Hurufnya ada tiga, iaitu (ز), (ص), dan (س).
- **Qalqalah** – (قلقله) – Pantulan. Terdapat lima huruf qalqalah, iaitu (ق) (ط) (ب) (ج) (د)
- **Lin** – (لين) – Lembut. Hurufnya ada dua, iaitu (و) dan (ي).
- **Inhiraf** – (إنحراف) – Lencungan. Hurufnya ada 2, (ل) dan (ر)
- **Takrir** – (تكرير) – Getaran. Hurufnya satu saja, iaitu (ر).
- **Tafasyi** – (تنفسي) – Hamburan. Hurufnya satu sahaja, iaitu syin (ش).
- **Istitolah** – (إستطاله) – Memanjang. Hurufnya satu sahaja, iaitu (ض).

8.0 KONSEP AL-LAHN

Makna al-Lahn dari segi bahasa: kesalahan yang berlaku pada al-I’rab dan berlawanan dengan wajah yang betul pada *nahw* (Ahmad Khalid Syukri 2003). Makna al-Lahn di sisi ulamak Tajwid: iaitu kesalahan pada bacaan dan terpesong dari yang betul, dan ianya mempunyai dua bentuk iaitu *jaly* iaitu yang berat dan *khafy* iaitu yang ringan (Mahmud Khalil al-Husari 2002).

8.1 Al-Lahn al-Jaly:

Al-lahn al-Jaly adalah kesalahan yang dilakukan oleh pembaca al-Quran seperti mengubah baris *I’rab* atau *bina*’ ataupun mengubah sesuatu huruf dengan huruf yang lain seperti (الضالين) diubah kepada (الظالين), dan (أنعمت) diubah kepada (أنعمت) samada akan menyebabkan perubahan pada makna ataupun tidak, maka ianya dikira sebagai kesalahan yang berat dan boleh membawa kepada dosa ke atas pembaca al-Quran sekiranya dia mampu untuk belajar (al-Nadawi 2007). Maka hukum bagi kesalahan ini adalah haram syari’e.¹²

Kesalahan nyata bermaksud kesalahan bacaan yang dilakukan pada struktur perkataan, sama ada kesalahan itu mencacatkan makna perkataan ataupun tidak. Perkataan “nyata” di sini bermaksud suatu kesalahan yang dapat disedari dengan nyata dan terang-terangan meskipun ia boleh diketahui oleh orang awam mahupun orang yang mahir dalam ilmu tajwid.¹³

Berikut adalah contoh kesalahan makhraj dan sifat huruf yang sering berlaku ke atas pembaca al-Quran dan perlu diambil perhatian terhadapnya bagi menjauhi dari melakukan kesalahan:

- **Mengganti huruf dengan huruf lainnya.**

Tertukarnya huruf dari satu kata dalam Al-Quran memiliki pengaruh besar. Perubahan yang terjadi mengubah makna sehingga apa yang dimaksudkan tidak tercapai. Yng dimaksudkan dengan

¹² Shahrudin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim & Mahmud Lutfi Abdul Hadi. 2016. “Kesalahan Jali Dalam Kalangan Peserta Majlis Tilawah Alquran Peringkat Kebangsaan Ke-59 Tahun 2016”. International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (Irsyad 2016).

¹³ Dr. Norazman bin Aliasi, Dr. Zainora binti Daudii & Dr. Anuar bin Hasin. 2021. “Tilawah Surah Al-Fatihah: Antara Isu Kesalahan Bacaan Dalam Ilmu Tajwid Dan Kesahan Solat Menurut Ilmu Fekah”. Journal of Fatwa Management and Research. VOL. 26 NO.2

penggantian di sini adalah apabila seseorang itu membaca huruf dalam Al-Quran dengan mengubah salah satu sifatnya.

Contohnya:

- A. Tertukar antara huruf ح dan ه
Perkataan اهدنا dibaca dengan احدنا
- B. Tertukar antara huruf ذ dan ز
Perkataan الذين dibaca dengan الزين
- C. Tertukar antara huruf خ dan غ
Perkataan غير dibaca dengan خير

• Memantulkan huruf selain huruf-huruf Qalqalah

Memantulkan huruf saat disukun, hanyalah untuk 5 huruf qalqalah iaitu ب ج د ط ق. Tidak diperkenankan memantulkan selain kelimanya kerana akan mengubah huruf yang dibaca sehingga terjadi kesalahan makna. Setiap huruf dalam Al-Quran memiliki sifat masing-masing yang tidak boleh ditukar-tukar.¹⁴

Berdasarkan kepada dua jenis kesalahan nyata yang dibahaskan dalam ilmu tajwid berfokuskan kepada sifat dan makhraj huruf, para sarjana dalam bidang ini bersepakat bahawa hukum melakukan kesalahan nyata seperti contoh di atas ialah haram secara ijma'ulama, tanpa mengira ia disengajakan mahupun tidak. (Bassah, 2004). Adapun sekiranya ia dilakukan tanpa sengaja, dan disedari kemudiannya, maka bacaan tersebut perlu diperbaiki semula. Begitulah sebaliknya, sekiranya kesalahan tersebut tidak disedari dan tidak disengajakan, maka tiada dosa bagi si pembaca atas kealpaan yang tidak disedari tersebut.

8.2 Al-lahn al-khafiy

Kesalahan tersembunyi bermaksud kesalahan atau kecacatan bacaan yang dilakukan pada sebutan, di mana kesalahan itu menyalahi hukum tajwid serta kaedah sebutan yang telah ditetapkan bagi sesuatu perkataan atau ayat Al-Quran. Kesalahan "tersembunyi" ini hanya dapat diketahui dan disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu tajwid dan tidak disedari oleh orang awam.

Antara contoh kesalahan tersembunyi ialah kesalahan menyebut ataupun membaca sifat dan makhraj sesuatu huruf seperti tafkhim, tarqiq, isti'la', istifal dan sebagainya. Menerusi contoh surah al-Fatihah, pada perkataan (صِرَاطٍ), sekiranya huruf sad yang bersifat isti'la' (tinggi) dibaca dengan sifat istifal (rendah), maka kesalahan ini menyalahi dari sudut hukum tajwid dan ia termasuk dalam kesalahan yang tersembunyi.¹⁵

Selain itu, proses getaran dalam pengucapan huruf ra'. Perbezaan antara huruf lam dan ra' adalah sifat getar dalam huruf ra'. Dalam ilmu tajwid disebut dengan takrir. Secara umum, pengucapan huruf ini dengan bergetarnya lidah seperti menyebut huruf "R". tidak semua pembaca Al-Quran mengetahui berapa jumlah getarannya. Kalau dipelajari secara detail, getaran pada huruf ini dua kali getar malah ada yang berpendapat satu getaran sahaja.

Hukum al-lahn al-khafiy adalah haram, menurut sebahagian ahli Al-Quran. Menurut yang lain hanya makruh. Alasan mereka adalah untuk menghindari beban kesulitan bagi sesiapa sahaja yang membaca Al-Quran. Ulama' yang mengharamkan berpendapat bahawa perubahan yang terjadi

¹⁴ Muhammad Amri. 2014. "Kesalahan yang Sering Terjadi dalam Membaca Al-Quran". Ahad Books.

¹⁵ Op.cit. Haji Abdul Qadir Leong. 2016. *Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani*.

walaupun tidak mengubah makna akan menimbulkan kesalahan dan kerosakan bacaan sehingga tidak enak didengari. Kesimpulan dari pendapat yang ada, jika kesalahan itu adalah secara sengaja maka haram hukumnya. Bila seseorang memiliki kekurangan yang menjadikannya tidak dapat mengucapkan huruf dengan sempurna atau tidak ada yang mengajarnya sebutan yang betul maka hal ini tidak mengapa. Berbeza dengan kesalahan yang timbul kerana seseorang itu tidak mahu belajar sedangkan ada guru yang boleh mengajarnya dan mempunyai waktu yang luang serta berkemampuan untuk mempelajari ilmu berkaitan *makhraj* dan sifat huruf serta ilmu-ilmu tajwid yang lain.¹⁶

9.0 DAPATAN KAJIAN

Kesalahan bacaan Al-Quran dan juga bacaan-bacaan dalam solat boleh membawa kepada ketidaksahan solat dan juga boleh menjadi dosa kepada si pembaca. Oleh yang demikian, diharapkan agar dengan pendedahan kajian ilmiah ini yang memfokuskan kepada ilmu tajwid berkenaan kesalahan pada *makhraj* dan sifat huruf yang sering terlepas pandang oleh orang ramai, dapat dikenal pasti dan saling perbaiki bacaan dengan guru yang benar disamping kita turut baiki bacaan dan kualiti solat kita.

10.0 PENUTUP

Setiap muslim mempunyai lima kewajipan terhadap Al-Quran iaitu beriman kepadanya, membacanya dengan tajwid yang betul, memahami isi kandungan, mengamalkan kandungan Al-Quran, dan menyebarkannya kepada orang lain. Pembelajaran membaca Al-Quran haruslah dimulakan dengan berguru secara talaqqi musafahah iaitu dengan berguru secara berhadapan seperti mana Rasulullah menerima wahyu melalui malaikat Jibril secara langsung dan telah diperbaiki bacaan oleh malaikat Jibril. Mempelajari bahasa asing bukanlah satu perkara yang mudah khususnya dalam membaca dan menyebut ayat-ayat Al-Quran. Kemahiran membaca Al-Quran bermaksud kebolehan menyebut dan membaca ayat-ayat Al-Quran dengan lancar dan menepati hukum tajwid dengan memelihara *makhraj* dan sifat huruf. Justeru itu, diwajibkan umat Islam untuk mempelajari Ilmu Tajwid supaya bacaan lebih teratur dan lancar.

¹⁶ Muhammad Amri, S.Pd.I, al-Hafizh. 2014. *Kesalahan Yang Sering Terjadi Dalam Membaca Al-Quran*. Banyuwangor Surakarta: Ahad Books. p. 54

RUJUKAN

- Dra. Murneyetti, M. Ag. 2012. *Kemampuan Mahasiswa Membaca Al-Qur'an Di Universitas Negeri Padang*, Upt Mku Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang.
- Hasan, Ahmad Rozaini Ali, et al. 2009. *Kemahiran Membaca Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM Sarawak*. Ahmad Rozaini Ali Hasan, Sharifah Anom Omar and Wan Ariffin Wan Yon. Ir.uitm.edu.my, ir.uitm.edu.my/id/eprint/5249/. Accessed 7 Dis. 2022.
- Muhammad Azhar Zailaini. 2015. *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah Ipta*, O-JIE: Online Journal of Islamic Education. University of Malaya: Kuala Lumpur. Vol. 3. No. 2. 12 Aug. 2017, pp. 19, ejournal.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5255/3051.
- Ust Hanif Azmir Hassim. 2022. *Makhraj Huruf Dan Al Fatihah*. Retrieved Dis 17, 2022, from <https://mengajionline.com/makhraj-huruf-dan-al-fatihah/>
- Op.cit. Muhammad Azhar Zailaini. 2015. *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah Ipta*, University of Malaya: Kuala Lumpur.
- Muhammad Syafee Salihin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Mahmud Lutfi Abdul Hadi. 2016. *Kesalahan Jali Dalam Kalangan Peserta Majlis Tilawah Alquran Peringkat Kebangsaan Ke-59 Tahun 2016*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Selangor. p. 465-479.
- Dr. Norazman bin Alias, et al. 2021. *Tilawah Surah Al-Fatihah: Antara Isu Kesalahan Bacaan Dalam Ilmu Tajwid Dan Kesahan Solat Menurut Ilmu Fekah*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Universiti Sains Islam: Negeri Sembilan. Vol.26 No 2. 2021. p.254-266.
- Haji Abdul Qadir Leong. 2016. *Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani*. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: I-Press Sdn Bhd. p.6
- Ahmad Fitri Bin Mat Rusop. 2018. *Nota Ringkasan Asas Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani Riwayat Hafs Imam 'Asim*. Kuala Lumpur: Fatehah Learning Centre. p.3.
- Mudarris. (2015). *Tajwid : Sifat Huruf*. Retrieved 9 September 2021, from <https://pengajianalhira.com/sifat-huruf>. Belajar Mengaji Al-Hira'.
- Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim & Mahmud Lutfi Abdul Hadi. 2016. "Kesalahan Jali Dalam Kalangan Peserta Majlis Tilawah Alquran Peringkat Kebangsaan Ke-59 Tahun 2016". International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (Irsyad 2016).